

Media Baharu dan Institusi Raja di Malaysia: Kes Penghinaan Raja-raja di Media Sosial

WAN AMIZAH WAN MAHMUD
MUHAMMAD ADNAN BIN PITCHAN
Universiti Kebangsaan Malaysia
wan_amizah@ukm.edu.my
adnan86@ukm.edu.my

ABSTRAK

Bagi negara demokrasi berparlimen dan Raja berperlembagaan seperti Malaysia, mengimbangi antara kawalan dan kebebasan media semakin sukar dengan kepesatan media baharu, khususnya media sosial. Perlembagaan Persekutuan Malaysia jelas memberi kebebasan bercakap kepada semua warganegara tetapi terdapat sekatan yang perlu dipatuhi. Isu penghinaan terhadap Raja-raja di media baharu semakin berleluasa dan kajian ini bertujuan mengupas konsep kawalan dan kebebasan media baharu. Kajian menerapkan kaedah analisis kandungan media baharu berdasarkan 4 kes penghinaan raja-raja di laman blog, *Twitter* dan *Facebook*. Kajian mendapati walaupun undang-undang sudah ditetapkan, namun masih terdapat segelintir rakyat yang menyalahi peraturan tersebut. Kawalan seperti proses penguatkuasaan juga semakin sukar dan langkah meningkatkan kesedaran perlu ditingkatkan. Peraturan dan perundangan sedia ada masih belum mencukupi dan perlu dimantapkan sekiranya gejala menghina kedaulatan institusi Raja ini mahu dihapuskan.

Kata kunci: *Media baharu, Institusi raja, penghinaan terhadap Raja-raja, kawalan dan kebebasan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.*

New Media and the Royal Institution in Malaysia: Cases of Insult to the Rulers in Social Media

ABSTRACT

For a parliamentary democracy and constitutional monarchy such as Malaysia, striking a balance between control and freedom of the media is increasingly difficult with the proliferation of new media, especially social media. The Malaysian Federal Constitution clearly gives freedom of speech to all citizens but there are restrictions that need to be complied with. Cases of insult to the Rulers in the new media is increasingly pervasive and the study aims to explore the concept of control and freedom of new media. Method of research is content analysis based on 4 cases of insulting of Rulers on blog, Twitter and Facebook pages. The study found that although the laws has been set, but there are still those who violate the rules. Controls such as the enforcement process is also increasingly

difficult and measures to increase awareness needs to be improved. Existing laws and regulations are still inadequate and must be strengthened if symptoms of insulting the royal institution's sovereignty would be eliminated.

Keywords: *New media, Royal institutions, insult to the Rulers, control and freedom, Communication and Multimedia Act 1998.*

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang mengutamakan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi namun masih mengamalkan dasar “toleransi dan liberal berdasarkan garis panduan yang ditetapkan” dalam menangani ledakan media (Penyata Parlimen 2001). Perkembangan teknologi maklumat di peringkat global turut mewarnai perkembangan komunikasi di Malaysia, dan memberi pelbagai pilihan media kepada khalayak. Daripada media tradisional seperti akhbar, majalah, telegraf, filem, radio dan televisyen, khalayak kini berhadapan dengan pilihan media baharu yang didorong oleh perkembangan teknologi maklumat. Semakin berkembang sesuatu teknologi maka semakin banyak elemen baharu akan wujud. Maka pada tahun 1987 Malaysia mula menerima media baharu yang dikenali sebagai internet.

Makalah ini akan bertujuan membincangkan tentang kawalan dan kebebasan media baharu, khususnya penggunaan media sosial di internet, dan kaitannya dengan institusi Raja Berperlembagaan di Malaysia. Empat kajian kes perundangan akan dihuraikan bagi melihat kesan kebebasan media dan bagaimana kerajaan cuba mengawal kebebasan itu demi memastikan kemurnian dan kedaulatan Raja Berpelembagaan tetap terpelihara. Kaedah yang digunakan ialah analisis kandungan laman daripada blog, Twitter dan *Facebook* yang mengandungi kesalahan penghinaan terhadap Raja-raja Melayu.

KONSEP KAWALAN DAN KEBEBASAN MEDIA

Kawalan dan kebebasan media, terutama berhubung kebebasan hak asasi, bukan suatu isu baru di dunia. Malah sudah diperdebatkan oleh kebanyakan negara sejak bertahun-tahun dahulu. Perisytiharan kebebasan asasi yang paling awal dipersetujui dan digunapakai bersama di peringkat antarabangsa ialah *Universal Declaration of Human Rights 1948* (UNESCO 1948). Fasal 19 Perisytiharan tersebut yang khusus tentang kebebasan media mengatakan “*Everyone has the right to freedom of opinion and expression; this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media and regardless of frontiers.*” Kebebasan bersuara di sini merangkumi usaha mencari, menerima dan menyalurkan maklumat dan pendapat melalui apa-apa juga media, serta tanpa sempadan.

Di Malaysia, Bahagian II Perlembagaan Persekutuan semuanya berkaitan kebebasan asasi, manakala Perkara 10(1)(a) mengatakan secara khusus bahawa “*tiap-tiap warganegara berhak kepada kebebasan bercakap dan bersuara*”. Dalam kata lain, Perlembagaan negara Malaysia telah menjamin hak kebebasan bersuara dan sehubungan dengan itu, hak kebebasan media, kepada semua warganegaranya. Walau bagaimanapun,

Fasal 2, 3 dan 4 dalam Perkara 10 yang sama dalam Perlembagaan Persekutuan turut menyebut kebebasan tersebut ada sekatan sekiranya menjejaskan kepentingan keselamatan atau ketenteraman awam.

Konsep kawalan media, atau kawalan maklumat media, dihuraikan oleh Kent (1975) sebagai sebarang proses yang menjejaskan kadar aliran atau jenis maklumat yang terdapat dalam sesebuah sistem media. Kent (1975) menggariskan beberapa bentuk kawalan media, iaitu penapisan yang membabitkan usahamenyembunyi atau mengehadkan bilangan sesuatu maklumat yang disiarkan, serta maklumat yang terpesong (*distorted*) demi menjaga kepentingan sesebuah pihak sahaja. Walau bagaimanapun, kawalan media boleh berubah akibat (1) perkembangan teknologi yang semakin canggih, (2) perubahan masyarakat yang semakin heterogen mengakibatkan pemusatan kawalan media semakin sukar dibendung dan ini kurang produktif dari segi ekonomi, dan (3) cita rasa penonton / khalayak yang semakin canggih berikutan peningkatan taraf hidup dan pendidikan.

Siebert, Peterson dan Schramm (1956) menghuraikan kelompok yang menganuti sesuatu idealogi politik iaitu Autoriter, Tanggungjawab Sosial, Libertarian dan Komunis Soviet, dipengaruhi oleh ciri-ciri kawalan. Menurut mereka, kawalan media sangat ketara dalam media jenis Autoriter dan Komunis Soviet, iaitu media sangat ketara dikawal oleh suatu pihak tertentu, lazimnya oleh Kerajaan, dan khalayak media iaitu rakyat tidak mempunyai pilihan menentukan bentuk maklumat yang diterima. Keempat-empat elemen tadi sebenarnya alat yang digunakan untuk mengukur peringkat kebebasan atau peringkat kawalan, dengan mengaitkannya dengan sistem kebebasan atau kawalan. Dalam hal ini, Sibert *et al* (1956) lebih mengaitkan kawalan dan kebebasan ini dengan kuasa, iaitu dengan kelompok politik dan elit khususnya pihak pemerintah. Walau bagaimanapun, libertarian merujuk kebebasan, ertinya bebas daripada kawalan kuasa politik. Perdebatan konsep kebebasan dan kawalan ini mula berkembang pada pertengahan abad ke 20 khususnya selepas tamat Perang Dunia Kedua, apabila lebih banyak negara yang pernah dijajah kini memperoleh kemerdekaan. Ini mencetuskan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat tempatan yang mahu rakyat lebih bebas bersuara tetapi terkawal mengikut kehendak kerajaan yang baru dibina.

Dalam tempoh yang sama, Namurois (Paulu 1967) juga menyentuh konsep kawalan media yang mirip empat teori media oleh Sibert di atas. Walau bagaimanapun, konsep Namurois (Paulu 1967) membahagikan kawalan media kepada empat kategori berdasarkan jenis media tersebut, iaitu jenis media yang dikawal kerajaan; jenis syarikat awam yang beroperasi secara autonomi dibawah piagam kerajaan; jenis media berdasarkan perkongsian minat awam yang dikawal oleh syarikat swasta tetapi memiliki kepentingan kerajaan; dan jenis media syarikat swasta yang lemah dari segi kawalan kerajaan. Penjelasan Namurois menarik kerana beliau mengaitkan konsep kawalan daripada perspektif pegangan kerajaan ke atas syarikat atau badan media tersebut.

Menjelang tahun 1970-an, para sarjana mula mengubah penilaian mereka terhadap konsep kawalan dan kebebasan. Menjurus ke aspek penyiaran, Merrill dan Lowenstein (1971) membahagikan kawalan media kepada bentuk tipologi sistem media tiga segi: kawalan umum (rancangan budaya dan maklumat), kawalan komersil (hiburan dan jualan) dan kawalan politik (indoktrinasi). Mana-mana negara atau stesen televisyen boleh

terangkum di dalam segi tiga tersebut bergantung pada bentuk kawalan yang dikenakan, contohnya BBC diletakkan hampir kepada bucu kawalan umum kerana amat dipengaruhi oleh perancangan budaya dan maklumat British, manakala stesen televisyen swasta di Amerika Syarikat lebih hampir ke bucu kawalan komersil, berikutan pendirian mereka yang amat mementingkan keuntungan perniagaan.

Pada tahun-tahun 1980-an ke atas, wujud kecenderungan seolah-olah merendahkan-rendahkan kuasa mutlak kerajaan yang mengawal atau menguasai media. Chomsky (2002) telah mengaitkan kawalan media dengan propaganda yang didalangi oleh pihak kerajaan memerintah. Menurutinya, kerajaan akan memastikan media dikawal sedemikian rupa hingga mempengaruhi pendapat, pemikiran dan persepsi rakyat agar sealiran dengan prinsip dan tindakan mereka. Pihak media akan bersepakat agar menyiarkan berita dan pandangan sehala, dan fahaman demokratik liberal ini tidak ubah seperti teori Marxisme-Leninisme.

Media baharu juga dilihat sebagai media yang perlu dikawal walaupun sifat media ini berbeza daripada media tradisional. Kawalan media ialah cara membendung sesuatu maklumat secara sengaja oleh suatu pihak tertentu dalam apa juga kaedah, lazimnya oleh sesebuah kerajaan atau pemilik syarikat media. Kawalan media ditakrifkan sebagai kaedah yang digunakan secara sengaja untuk menyekat, menapis, membatalkan dan mengharamkan sebarang maklumat yang ingin disampaikan oleh suatu organisasi media kepada orang ramai (Wan Amizah 2008).

Kawalan merupakan satu proses penapisan maklumat dan idea-idea yang diedarkan dalam kalangan sesuatu masyarakat (Wan Amizah 2008). Penapisan bukan merupakan satu konsep yang baru dalam dunia moden sekarang. Hal ini kerana, penapisan telah muncul pada abad ke-20 melalui pemeriksaan buku, rancangan radio atau televisyen, filem, drama dan laporan berita (Wan Amizah 2008). Konsep penapisan turut digunakan pada zaman purba di mana masyarakat di zaman tersebut mempunyai adat resam, pantang larang, peraturan-peraturan, cara berpakaian, unsur keagamaan. Oleh itu, penapisan digunakan untuk mengawal selia elemen-elemen di atas. Di Athens pula, di mana muncul sistem demokrasi, maka penapisan adalah elemen terkenal sebagai satu cara untuk menguatkuasakan ortodoks. Plato merupakan pemikir pertama yang memberikan rasional untuk penapisan intelek, agama dan seni. Beliau turut melarang para ibu dari menceritakan cerita-cerita dongeng kepada kanak-kanak (Plato 1892). Selain itu, di zaman Rom, kebebasan bersuara hanya dikhaskan kepada golongan -golongan yang berkuasa (Laura Robinson 1940).

Kawalan turut wujud di zaman pemerintahan Qin Shi Huang di negara China. Peggy Pancella (2008) mengatakan Qin Shi Huangdi merupakan maharaja pertama China dan beliau sentiasa dikelilingi oleh tentera-tentera hebat. Qin Shi Huangdi adalah maharaja yang begitu terdesak untuk mendapatkan kuasa sehingga beliau ingin mengeluarkan arahan dari kubur selepas dia meninggal. Beliau adalah seorang pemerintah yang sangat kejam dan tidak boleh menerima sebarang teguran, kritikan atau pembangkang. Sekitar tahun 213BC, Maharaja Qin Shi Huangdi mula merasa takut kerana mungkin sejarah akan menceritakan tentang keburukkan pemerintahan beliau. Oleh itu, beliau mengarahkan semua buku-buku yang menceritakan tentang beliau untuk diambil dan dibakar secara terbuka. Walau

bagaimanapun, ada di antara ulama-ulama dan pegawai-pegawai tidak bersetuju dengan tindakan Maharaja Qin Shi Huangdi dan sebagai hukuman mereka ditanam secara hidup-hidup. Daripada sejarah purba ini, maka kita tidak boleh menafikan bahawa penapisan tidak wujud di zaman purba. Sebagai contoh di atas, Maharaja Qin Shi Huangdi telah menyekat penyebaran maklumat dengan menghapuskan buku-buku di zaman pemerintahan beliau.

Kawalan dalam media terdiri daripada beberapa teknik; (1) Penapisan di mana membenarkan bahagian-bahagian tertentu dan blok bahagian-bahagian yang tertentu; (2) *Gatekeepers* biasa digunakan dalam penentuan berita. Kawalan ini berlaku dalam semua struktur media. Sebagai contoh, wartawan akan memutuskan sumber mana yang boleh dipilih untuk dimasukkan dalam berita, editor pula akan menentukan berita mana yang boleh dikeluarkan termasuk pemilihan outlet media. Di luar organisasi media pula, individu juga boleh bertindak sebagai *gatekeepers*, memutuskan maklumat apa yang boleh dimasukkan ke dalam e-mel atau dalam blog; (3) Sekatan akses seperti tembok api atau *firewall* juga digunakan supaya sesuatu maklumat tidak dapat dilayari oleh pengguna menerusi internet dengan memblok terus terhadap sesuatu laman web itu.

Pada tahun 1991, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah mengisytiharkan 3 Mei sebagai Hari Kebebasan Akhbar Sedunia (Abdul Aziz Bari 2008). Pengisytiharan ini telah memberi kesedaran kepada seluruh dunia bahawa betapa pentingnya kebebasan dalam dunia media ini. Tambahan pula, masyarakat beranggapan bahawa kebebasan merupakan suatu hak asasi manusia dan perlu diperjuangkan. Menurut Mafis Mohd Samuri (2012), Barat meletakkan konsep kebebasan mutlak bersamaan dengan hak, bermaksud setiap mereka mempunyai hak untuk mendapatkan kebebasan secara mutlak. Kebebasan bukan sahaja dari segi bersuara malah perlu mendapatkan maklumat yang lengkap tanpa sebarang penapisan dalam media.

Sama seperti negara-negara barat, kemunculan internet di negara Asia turut menjadi cabaran kepada negara-negara tersebut. Dalam realiti, konsep kawalan dan kebebasan di internet turut diperdebatkan di negara Asia ini termasuklah Malaysia. China salah sebuah negara paling padat penduduk telah mengambil langkah proaktif dengan mengawal internet (Zixue Tai 2012). Manakala di Malaysia turut menjamin kebebasan internet melalui Perjanjian Jaminan MSC 1996. Justeru, amalan konsep kawalan dan kebebasan ini bergantung kepada budaya, adat, sistem dan peraturan sesebuah negara.

Kebebasan adalah perkara yang dituntut oleh semua negara, masyarakat mahu pun individu. Orang yang paling bersinonim dengan kebebasan adalah Nelson Mandela. Beliau seorang keturunan kulit hitam dari negara Afrika Selatan dan telah mengabdikan seluruh hidup untuk perjuangan rakyat beliau. Beliau telah melawan dan berjuang dominasi kulit putih dan menginginkan demokrasi yang ideal dan masyarakat yang bebas di mana semua orang hidup dalam keadaan harmoni. Walau bagaimanapun, beliau telah dipenjarakan di penjara Pulau Robben dan pada tanggal 11 Februari 1990 iaitu lebih dari 27 tahun penjara beliau telah dibebaskan. Warga Afrika memandang tinggi terhadap beliau kerana merupakan tokoh pembebasan orang kulit hitam di Afrika Selatan (Mochtar Lubis 1993). Ini adalah kisah secara ringkas mengenai kebebasan pada zaman 60-an.

Kini, kebebasan terutamanya dalam media masih menjadi satu perdebatan dalam kalangan ahli akademik, para ilmunan, ahli Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan juga ahli politik.

Secara umum kebebasan adalah satu keadaan di mana tidak terikat atau tersekat mana-mana hak individu. Ia bermaksud mereka boleh melakukan apa sahaja seperti menuntut ilmu, mendapatkan informasi, menyebarkan informasi dan lain-lain. Walau bagaimanapun, kebebasan ini tertakluk kepada undang-undang dan peraturan sesebuah negara. Para sarjana telah memberikan pelbagai definisi mengenai kebebasan. Kebebasan adalah satu kemampuan individu untuk diakui tentang diri mereka dan mereka tidak akan bebas sehingga mula membebaskan pemikiran dan kehidupan dari perkara negatif di sekelilingnya (Rodeney 1992). Selain itu, ia juga merupakan hak untuk memilih, menciptakan diri sendiri kepada sesuatu pilihan yang berbeza.

Menurut *Universal Declaration of Human Rights 1948* (UNESCO 1948), Fasal 19 menyatakan bahawa “*everyone has the right to freedom of opinion and expression; this right includes freedom to hold opinions without interference and to seek, receive and impart information and ideas through any media and regardless of frontiers*”. Dengan kata lain setiap orang mempunyai kebebasan dalam memberi pendapat, bersuara, mengeluarkan fikiran tanpa diganggu serta menerima dan menyebarkan maklumat melalui apa jua media tanpa mengira sempadan.

Kebebasan maklumat, kebebasan aliran maklumat, aliran maklumat yang seimbang, akses percuma kepada media adalah prinsip-prinsip asas kebebasan bersuara dan berpendapat (MacBride 1980). Kebebasan media turut berkaitan dengan kebebasan individu, kebebasan menerima dan menyebarkan maklumat serta mengakses semua media sebagai alat komunikasi sosial. MacBride (1980) telah mengariskan dua hak dalam dunia kebebasan media seperti *right to seek information* dan *right to impart information*. Ia bermaksud mempunyai hak untuk mendapatkan dan menyebarkan buah fikiran, pandangan, serta sebarang maklumat menerusi media tanpa ada halangan. Beliau turut menyenaraikan beberapa halangan dalam proses aliran maklumat seperti keganasan fizikal dan ugutan, penindasan melalui undang-undang, senarai hitamkan nama wartawan, mengharamkan sesuatu buku dan menyekat amalan profesional. Selain itu, beliau turut menekankan bahawa bukan faktor ini sahaja yang menjadi halangan dalam mendapatkan maklumat malah faktor-faktor lain seperti tekanan ekonomi dan sosial, ketidakcukupan infrastruktur turut menjadi halangan kebebasan maklumat. Di samping itu, proses penentuan agenda oleh pihak berita seperti apa yang harus diterbitkan, isu apa yang perlu dibahaskan juga menjadi faktor-faktor halangan maklumat.

Pada pandangan Lessig (2006) terdapat empat jenis kawalan internet, pertama kawalan undang-undang. Ini dikenali sebagai Kanun Piawai Pantai Timur. Lawrence menekankan kebanyakan tindakan di internet boleh dikawal oleh perundangan konvensional. Di internet mempunyai beberapa halaman seperti perjudian, pornografi kanak-kanak dan lain-lain. Walau bagaimanapun, halaman yang sukar dikawal adalah yang melibatkan urusniaga. Hal ini kerana mempunyai sempadan yang berbeza. Namun, mereka tetap tertakluk kepada pengawalan tradisional kerana segala aktiviti yang menyalahi undang-undang di alam maya turut salah di alam nyata. Kedua adalah arkitek yang dikenali sebagai Kanun Pantai Barat. Perisian adalah elemen utama dalam kawalan ini. Hal ini kerana, perisian digunakan untuk menyekat URL spesifik, program penguncian serta menyekat protokol TCP atau IP.

KAWALAN DAN KEBEBASAN MEDIA BAHARU DI MALAYSIA

Wawasan 2020 berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dari segi bidang politik, perindustrian, perpaduan, sosial, kerohanian menjelang tahun 2020 (Ahmad Sarji 2003). Kecanggihan teknologi masa kini turut memberi sumbangan dan impak kepada kemajuan negara. Selari dengan Wawasan 2020 dan tumpuan dalam memperluaskan bidang teknologi maklumat dan komunikasi maka kerajaan telah mengambil pelbagai langkah. Program Inisiatif Jalur Lebar Negara (NBI) turut dilancarkan pada 24 Mac 2010 oleh kerajaan. Berdasarkan Laporan Bank Dunia 2012, jumlah pengguna internet di Malaysia semakin meningkat sehingga mencapai 15,989,772.57 pada tahun 2010 (Trading Economics 2012). Malaysia juga berada pada kedudukan yang ke-21 sebagai pengguna *Facebook* di dunia. Lebih daripada separuh penduduk Malaysia merupakan pengguna internet aktif.

Di Malaysia pula, bagi menyokong kemajuan dalam bidang siber maka kerajaan telah melaksanakan Rang Jaminan MSC Malaysia 1996 (*MSC Bill of Guarantees*). Ini bertujuan menggalakkan pertumbuhan industri berstatus MSC di Malaysia serta pertumbuhan industri teknologi maklumat. "Tiada Penapisan Internet", adalah perkara ketujuh dalam perjanjian yang telah dibuat oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamed mantan Perdana Menteri Malaysia melalui Kandungan Rang Jaminan tersebut (MSC 2011). Objektif dasar ini adalah bagi merealisasikan wawasan Malaysia untuk menjadi hab ICT yang utama di peringkat global, justeru kerajaan menyedari peranan penting internet dalam mempercepat pertukaran maklumat dan inovasi, serta menyediakan landasan bagi meneruskan penambahbaikan kualiti kerja dan hidup. Walaupun Kerajaan Malaysia tidak membuat tapisan internet, namun Rang Jaminan MSC tersebut juga mengatakan ini tidak bermakna sesiapa sahaja boleh menyebarkan kandungan yang tidak sah dan tanpa menghiraukan undang-undang. Kementerian dan agensi berkaitan dikehendaki mengambil langkah bersesuaian bagi menguatkuasa undang-undang yang sedia ada.

Kawalan dalam internet bukan sesuatu yang sangat mudah dan apatah lagi dalam sebuah negara yang mengamalkan kebebasan internet. Kajian Muhamad Adnan (2013) mendapati antara cabaran utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan Malaysia untuk mengawal internet adalah (1) domain dan *web hosting* sesuatu laman sesawang didaftarkan di luar negara; (2) sukar untuk mengesan atau mengenal pasti suspek; (3) pendaftaran maklumat palsu; (4) perkembangan teknologi yang sangat pantas; dan (5) sukar mengadakan pemantauan terhadap kandungan. Hasil kajian beliau juga mendapati terdapat empat kebaikan utama dengan mengadakan kawalan dalam internet iaitu (1) membangunkan industri hiburan, (2) mengawal isu-isu fitnah atau perkara yang tidak betul, (3) melahirkan generasi yang berakhlak mulia serta (4) dapat memperkasakan undang-undang negara.

Malaysia tidak mempunyai sebarang akta khusus yang berkaitan dengan kawalan media baharu. Antara perundangan yang sering terpakai bagi kesalahan berkaitan media baharu ialah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Tandatanganan Digital 1997, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Teleperubatan 1997, Akta Perdagangan Elektronik 2006, Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007, Akta Perlindungan Data Peribadi 2010, Akta Hak cipta 1987 Pindaan 2012 dan Akta Hasutan 1948. Tujuan utama kerajaan campur tangan dalam media internet adalah untuk

menjadikan internet sebagai satu medium yang harmoni dan mesra rakyat di mana tiada unsur-unsur penyalahgunaan internet di samping menjadikan internet untuk membantu kerajaan dalam pembangunan negara.

Selain itu, secara sedar atau tidak, kebanyakan jabatan dan agensi kerajaan dan swasta di Malaysia mempunyai peraturan kecil yang dikenali sebagai Dasar ICT. Secara umumnya dasar tersebut lebih menekankan kepada cara penggunaan dan penyelenggaraan teknologi maklumat termasuklah rangkaian internet. Setiap dasar itu mempunyai beberapa peraturan kecil penggunaan internet yang boleh dikatakan lebih menjurus pada kawalan penggunaan internet.

Media baharu tidak menjadikan sempadan geografi dan bidang kuasa yang jelas. Walau bagaimanapun, pengguna internet masih ada di kawasan bidang kuasa secara fizikal dan masih tertakluk pada undang-undang di mana mereka berada. Sebagai contoh orang X berada di kawasan Malaysia dan melayari internet dengan menggunakan pelayan Singapura. Walau bagaimanapun, orang X masih tertakluk kepada undang-undang negara Malaysia. Oleh itu, satu urusan atau aktiviti melalui internet merangkumi tiga bidang kuasa iaitu undang-undang di mana pengguna menetap, undang-undang undang-undang yang beraplikasi pada *tempthos server* atau hos pelayan terletak dan ketiga undang-undang negara yang beraplikasi pada orang atau perniagaan yang mana urusan telah menjadi. Sebagai contoh, pengguna X di Malaysia yang membuat urusan dengan pengguna lain di Jepun melalui satu pelayan di Singapura maka secara teorinya tertakluk pada undang-undang ketiga-tiga negara ini sebagaimana mereka merujuk urusan yang dilakukan (Muhamad Adnan 2013).

Selain itu, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) merangka Kod Kandungan yang mengandungi piawai dan amalan bagi industri komunikasi dan multimedia, yang disediakan oleh Badan Industri Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kod Kandungan ini mengandungi garis panduan dalam penyediaan kandungan dan menggariskan tatacara kawalan sendiri yang boleh menghasilkan wadah bagi melahirkan kreativiti, inovasi dan pembangunan sihat industri yang sering berubah. Walau bagaimanapun, pematuhan kod ini adalah secara sukarela.

Media sosial dan internet sering digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab sebagai tempat meluahkan rasa tidak puas hati mereka, yang dikatakan sebagai ruang untuk mereka menyuarakan pendapat. Pandangan dan komen yang pasti sama sekali tidak dibenarkan diterbitkan pada media cetak kini boleh diungkapkan secara dalam talian. Komen dan pendapat mereka pula semakin berani dan liar berikutan kesukaran pihak luar mengenal identiti penulis. Penggunaan nama samaran dan menggodam laman web orang sudah menjadi kelaziman kini. Kajian Noor Ismawati Jaafar dan Mohd Yahya Mohamed Ariffin mendapati (2016) motivasi utama pengguna media baharu untuk terus berkomunikasi di laman sosial ialah kesekataan, kurang persempadanan dan penjimatan masa.

Portal berita dalam talian juga semakin popular, antaranya *Malaysiakini*, *Malaysian Insider*, *Merdeka Review*, *Free Malaysia Today*, *The Nut Graph* dan blog *Malaysia Chronicle*. Semua portal berita ini terus memberi ruang untuk penulis membuat komentar dan analisis, termasuk analisis yang kritikal terhadap dasar kerajaan. Kerajaan masih berusaha

mengawal pemilikan media dalam talian, khususnya melalui peruntukan pada Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Hasutan 1948, Perlembagaan Persekutuan dan beberapa akta lain.

Sa'adiah Mat Alip (2015) mendapati *Facebook* merupakan laman sosial yang paling *popular* digunakan kerana ia menjadi pilihan utama responden iaitu sebanyak 53.9%, Instagram pula merupakan laman sosial kedua yang menjadi pilihan responden iaitu sebanyak 30.0% dan diikuti dengan Twitter sebanyak 15.6%. Kajian ini menggunakan kaedah analisis kandungan sebagai kaedah menganalisis data daripada 2 laman *Facebook*, 1 blog dan 1 *Twitter* yang dijadikan ruang menghina kedaulatan Sultan dan institusi Raja di Malaysia.

KAJIAN KES PENGHINAAN RAJA-RAJA DI MEDIA BAHARU

Kes 1: Menghina Sultan Perak Melalui Laman Web / Web Blog

Antara kes terawal yang membabitkan peruntukan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 adalah apabila pada 12 Februari 2009 seramai 6 orang pengunjung portal menulis komen jelek dan lucah yang menghina DYMM Sultan Azlan Shah, iaitu Sultan Perak Darul Ridzuan, di buku pelawat pada laman web <http://books.dreambook.com/duli/duli.html> yang boleh dipautkan ke portal negeri Perak www.perak.gov.my. Mereka didakwa menyiarkan komen yang menghina Sultan berhubung krisis politik di negeri tersebut pada masa itu. Mereka ialah Azrin Md Zin, 33, Muslim Ahmad, 54, Nor Hisham Othman, 36, Chan Hon Keong, 27, Khoo Hui Shuang, 30, dan Rutininbin Suhaimin, 36. Kesemua mereka didakwa di Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Kota Kinabalu dan Butterworth di bawah Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana perbuatan menyiarkan "isi kandungan sumbang, lucah, palsu, mengancam atau jelek sifatnya dengan niat mengacau, mendera, mengugut atau mengganggu". Kesalahan tersebut membawa hukuman denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya.

Daripada enam tertuduh tersebut, hanya Azrin Md Zin, seorang pembantu makmal, mengaku bersalah dan beliau dijatuhkan hukuman denda RM10,000 atau lima bulan penjara. Dia merupakan orang pertama yang disabitkan kesalahan di bawah akta tersebut. Nor Hisham Osman pula ditolak rayuannya di Mahkamah Tinggi dan didenda RM12,000 manakala Chan Hon Keong (suami Khoo Hui Shuang) didapati bersalah dan dijatuhkan hukuman maksimum denda RM50,000 dan penjara setahun. Selain itu, tiga yang lain, Muslim Ahmad, Khoo Hui Shuang, dan Rutinin Suhaimin, telah dibebaskan selepas membuat rayuan di Mahkamah Tinggi.

Antara alasan penghakiman bagi membebaskan tertuduh ialah pihak pendakwaan gagal menunjukkan ada kaitan atau persamaan antara masa komen tersebut dihantar dengan masa tertuduh mengakses internet. Selain itu, walaupun alamat pengguna Internet Protokol (IP) yang digunakan adalah milik tertuduh, namun sesiapa sahaja boleh menggunakan alamat IP yang sama untuk mengakses internet dan kemungkinan ada orang lain yang boleh menggunakan alamat IP tertuduh.

Kes 2: Menghina Sultan Johor Melalui Twitter

Perkara ini bermula apabila nombor pendaftaran kenderaan WWW 1 dibuka untuk bidaan dan mencatatkan bidaan tertinggi dalam sejarah Malaysia, dengan tawaran sebanyak RM520,000. Pembida yang berjaya tersebut ialah DYMM Sultan Ibrahim Almarhum Sultan Iskandar, Sultan Johor Darul Takzim. Ekoran itu, banyak pandangan dilontarkan berhubung isu tersebut, dan salah satunya ialah pandangan mantan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin, menerusi *Twitter* beliau YB DS Mohammad Nizar @mbnizar, pada 28 Mei 2012:

"rm520k utk no plate www1 Xkan nak letak kat kereta proton atau motor kut? ramai lagi rakyat yg masih kais pagi mkn pagi kais ptg mkn petang!"

"but if comparing 24million diamond ring by rosmah then rm520k 4 www1 reg plate is nothing! but how does 1 justify that purchase? MFatwaKeb?"

"rm520k boleh dibelanjakan membantu rakyat Melayu Johor yg masih ramai miskin serta memerlukan bantuan utk kprluan hidup bina 20 rumah pprrt!"

Berikutan *tweet* tersebut, Buletin Utama TV3 menyiarkan berita pada malam 30 Mei 2012 bertajuk "Pasukan khas siasat dakwaan Nizar" dan keesokannya, akhbar *Utusan Malaysia* pada 31 Mei 2012 menerbitkan artikel bertajuk "Pasukan khas siasat kenyataan Nizar". Berita TV3 tersebut dikatakan membawa maksud bahawa beliau adalah seorang penderhaka kepada Sultan dan Sultan Johor khususnya. Beliau adalah ahli politik yang anti-sultan dan seorang ahli politik yang cuba menghasut rakyat untuk membenci Sultan Johor.

Laporan berita tersebut menyebabkan Datuk Seri Mohammad Nizar mengemukakan tuntutan saman fitnah terhadap Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3) dan penerbitnya, Rohani Ngah, sebanyak RM50 juta dan terhadap Utusan Melayu (M) Berhad juga sebanyak RM50 juta. Menurut Datuk Seri Mohammad Nizar, kenyataan beliau itu adalah satu pandangan peribadi sebagai seorang rakyat biasa dan bukan ditujukan kepada sesiapa.

Kejadian ini menimbulkan kemurkaan Tuanku Sultan Johor, seperti dalam titah baginda ketika merasmikan pembukaan Penggal Kelima Sidang Dewan Undangan Negeri (DUN) Johor Ke-12 pada 14 Jun 2012.

"Baru-baru ini ada pemimpin politik yang secara terang-terangan mengkritik tindakan saya membida nombor pendaftaran di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Adakah dia lupa tentang adab Melayu atau sememangnya dia seorang yang jahil dan cetek akalnya? Janganlah cuba berlagak pandai jika tidak berilmu dan janganlah mengeluarkan kenyataan sesuka hati jika tidak tahu perkara yang sebenar. Bukankah berdiam diri itu lebih baik daripada berkata yang tidak baik? Kepada pemimpin seperti ini, nasihat saya, janganlah sibuk mencari kudis di kaki orang lain, sedangkan tokak di kaki sendiri tidak mampu diubah. Tindakan yang saya buat adalah mengikut cara dan jalan yang betul dan setiap kebajikan yang saya buat juga tidak perlu diperbesarkan. Tindakan

pemimpin ini bukan sahaja mendatangkan kemurkaan kepada saya tetapi juga satu penghinaan kepada rakyat dan kedaulatan negeri Johor. Saya harap dia sedar siapa diri dia dan kesilapan yang telah dibuat. Jika dia hendak minta maaf, mintalah maaf kepada semua rakyat Johor, bukan kepada saya seorang sahaja. Pepatah Melayu sering mengingatkan 'terlajak perahu boleh diundur, terlajak kata buruk padahnya.'

Namun begitu, Datuk Seri Mohammad Nizar mendakwa kenyataannya di *Twitter* telah diputarbelitkan oleh media massa, dan beliau tidak mengetahui bahawa Tuanku murka kepadanya.

Pada 30 Ogos 2012, Mahkamah Tinggi Sivil Kuala Lumpur mendapati Datuk Seri Mohammad Nizar gagal membuktikan TV3 mempunyai niat jahat dalam laporan tersebut dan TV3 berjaya membuktikan pembelaan mereka berdasarkan kewajaran dan ulasan saksama dalam perkara yang melibatkan kepentingan awam. Dalam penghakiman, mahkamah bersetuju bahawa hujahan pihak defendan bahawa Tweet pihak Mohammad Nizar jika dibaca dan difahami oleh sesiapa pun yang berfikiran waras, jelas menyindir Sultan Johor telah menggunakan dana awam untuk bidaan plat WWW 1. Oleh itu mahkamah menolak saman fitnah Mohammad Nizar terhadap TV3 tersebut.

Sebaliknya, mahkamah memerintahkan Utusan Melayu (M) Bhd membayar gantirugi kepada mantan Menteri Besar Perak Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin. Keputusan interlokutari tersebut diperintahkan sedemikian memandangkan Utusan tidak diwakili peguam untuk pendengaran kes tersebut. Oleh itu Utusan tidak lagi berhak untuk merayu keputusan tersebut namun masih berpeluang untuk mengengapikan keputusan yang dibuat tanpa kehadiran itu.

Kes 3 : Menghina Sultan Terengganu Melalui Facebook

Laman sosial *Facebook* merupakan antara laman sosial paling popular di Malaysia. *Facebook* sebagai rangkaian sosial, memiliki berbilang berfungsi, antaranya sebagai wadah menyambung silaturahim, bersembang, memuat naik gambar, ucapan selamat, berniaga, dan sebagainya. Namun, terdapat pemilik akaun *Facebook* yang menyalahgunakan fungsi tersebut. Beberapa kes sedang disiasat berhubung penghinaan terhadap institusi Raja di Malaysia yang membabitkan laman sosial *Facebook*, termasuk terhadap Sultan Johor, Sultan Kelantan dan Sultan Terengganu.

Pada 20 Mei 2013, seorang pemilik akaun *Facebook* bernama "*Cucu Nabi*" telah berkongsi gambar dari laman *Facebook* Al-Wathiqu Billah Tuanku Sultan Mizan Zainal Abidin, Sultan Terengganu dan menyiarkan gambar baginda berpakaian istiadat yang lengkap, tetapi menulis komen yang menjelekkkan dan menghina baginda Sultan Mizan. Isu utama yang menjadi punca kemarahan pemilik akaun tersebut ialah perhimpunan Black 505 di Terengganu. Ini jelas dinyatakan dalam postingnya dua hari selepas itu, iaitu pada 22 Mei 2013, "*Agak sukar untuk kerajaan yang sedang memerintah tunduk selagi tidak berlaku huru-hara yang tidak dapat dikawal. Apabila ada berlaku huru-hara yang tidak dikawal dan pihak polis sukar lagi untuk mengawal keadaan maka perintah darurat akan diisytiharkan oleh pihak raja Terengganu iaitu Sultan Mizan... bererti Black 505 perlu melihat ada*

kematian, kecederaan, kerosakan harta dan kebakaran. Jika sekiranya black 505 berjaya maka pihak pembangkang berjaya dengan memperjudikan nyawa rakyat yang datang berhimpun. Aku dok berpihak kepada Mat Said kononnya dok bersetuju dengan black 505 tapi kesan buruk tu boleh dijangka akan mengaibkan kesultanan Terengganu apabila ada nyawa yang melayang kerana kebodohan Sultan yang tertera gambarnya diatas”.

Dengan bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), pihak Polis telah berjaya menahan seorang penganggu, Mohd Zamrud Hisyam Mohamad 32 tahun, untuk disiasat pada 24 Mei 2013. Kes disiasat mengikut Seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan boleh disebut mengikut Seksyen 233 (3) akta sama yang membawa hukuman penjara maksimum setahun dan denda RM50,000 atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan, dan denda selanjutnya RM1,000 bagi setiap hari kesalahan diteruskan selepas disabitkan.

SKMM memandang serius terhadap penyalahgunaan media sosial untuk memuatnaik kandungan yang berunsur menghina terutamanya institusi Diraja Malaysia. Menurut Dato' Mohamed Sharil Tarmizi (2013), Pengerusi SKMM:

“Undang-undang negara berkuatkuasa tidak kira di mana-mana, baik di luar mahupun di dalam talian. Jenayah tetap jenayah, walaupun di dalam media sosial. Pengguna media sosial perlu sedar bahawa mereka tidak sekebal seperti yang disangkakan. Oleh itu, kami menyeru kepada orang ramai supaya berhati-hati dan bersikap lebih bertanggungjawab semasa berkomunikasi di alam maya. Sesiapa yang melanggar lunas undang-undang akan dibawa ke muka pengadilan,”.

Kes 4: Mempersendakan Lagu Negaraku, Raja Melayu Dan Perdana Menteri Melalui Facebook

Pada 11 Julai 2011, BERNAMA melaporkan seorang pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah didakwa menghina lagu Negaraku dilaman Facebook. Sehubungan itu, Universiti Malaysia Terengganu (UMT) telah membuat laporan polis berhubung dakwaan seorang pelajar UMT mengubah lirik lagu Negaraku, menghina Raja dan juga Perdana Menteri di dalam laman sosial Facebooknya.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMT Prof Dr Yahaya Ibrahim, laporan itu dibuat oleh pendaftar UMT di Balai Polis Gong Badak. Dr Yahaya berkata penuntut terbabit yang menggunakan nama “Mohd Farizal” dalam statusnya, mengubah lirik lagu kebangsaan dengan mencerca, mempersendakan lagu negara, Raja Melayu dan juga Perdana Menteri. Walau bagaimanapun, laporan tersebut turut menyebut bahawa pihak pengurusan UMT masih tidak tahu sama ada dia mahasiswa UMT atau sudah tamat pengajiannya ataupun orang luar yang menyamar, dan menyerahkan kepada polis untuk membuat siasatan lanjut.



Rajah 1: Petikan komen menjelekan melalui *Facebook*

PERBINCANGAN

Malaysia sebenarnya adalah antara negara pertama di dunia yang memperkenalkan undang-undang siber yang komprehensif seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997, Akta Tandatangan Digital 1997, Akta Teleperubatan 1997, pindaan Akta Hak Cipta 1997 dan Akta Aktiviti Kerajaan Elektronik 2007. Namun, Malaysia tiada teknologi penapisan yang secara aktif menapis kandungan internet atau memiliki undang-undang yang bertujuan untuk mengehadkan atau menapis kandungan internet. Malah peruntukan Akta Komunikasi dan Multimedia (1998) dengan jelas menyatakan bahawa tiada apa-apa jua dalam akta itu “hendaklah ditafsirkan sebagai membenarkan penapisan internet”. Rang Jaminan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia juga menjanjikan tiada penapisan internet.

Kerajaan Malaysia mengambil pelbagai langkah dan usaha dalam mengembangkan budaya ICT kepada setiap rakyat sebagai teras mewujudkan masyarakat berilmu dan bermaklumat dan juga ingin mengurangkan jurang digital di antara rakyat. Penumpuan dan penekanan kerajaan dalam bidang teknologi maklumat menyebabkan kadar penembusan

penggunaan internet di Malaysia semakin meningkat. Selaras dengan usaha ini pada tahun 1998 kerajaan telah memperkenalkan undang-undang siber. Undang-undang siber menerangkan mengenai isu-isu undang-undang berkenaan dengan penggunaan teknologi maklumat antara rangkaian yang bersinonim dengan perkataan internet.

Penghinaan terhadap Raja-raja melalui media sosial juga melanggar prinsip Rukunegara ke-2, iaitu Kesetiaan kepada Raja dan Negara, serta mencemari prinsip ke-3 iaitu Keluhuran Perlembagaan. Perlembagaan Persekutuan Malaysia dalam Artikel 10 (1) jelas memberi kebebasan kepada setiap warganegara Malaysia dalam hal kebebasan bercakap, berhimpun dan berpersatuan. Namun begitu, terdapat sekatan khusus di dalam Perlembagaan Persekutuan Artikel 10 (4) terhadap keistimewaan Bahasa Kebangsaan, golongan Bumiputera termasuk anak negeri Sabah dan Sarawak, serta Artikel 181, Kedaulatan Raja-raja.

(4) Pada mengenakan sekatan-sekatan demi kepentingan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya atau ketenteraman awam di bawah Fasal (2)(a), Parlimen boleh meluluskan undang-undang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang ditetapkan atau dilindungi oleh peruntukan Bahagian III, Perkara 152, 153 atau 181 melainkan yang berhubungan dengan pelaksanaannya sebagaimana yang dinyatakan dalam undang-undang itu.

Berdasarkan keempat-empat kes di atas, nyata bahawa kebebasan yang dibenarkan oleh pihak kerajaan telah disalahgunakan oleh segelintir rakyat. Paling sedih ialah sebahagian besar mereka yang menghina institusi Raja ialah dalam kalangan orang Melayu sendiri. Sikap ini bukan sesuatu yang mencerminkan jati diri seorang Melayu malahan bukan juga peribadi seorang penganut Islam yang berpegang pada prinsip Wasatiyyah. Menurut Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah (2015), orang Melayu memiliki nilai-nilai murni yang dipelajari sejak kecil lagi lalu membentuk perwatakan dan keperibadian masyarakat Melayu yang dipelajari dan diamalkan sejak kecil seperti bersikap jujur, bertanggungjawab, rajin berusaha, lemah lembut dan budi Bahasa. Namun jelas dalam kajian kes di atas, nilai murni tersebut sudah jauh tersasar hingga mencetuskan kontroversi hingga ada yang didakwa kerana kesalahan undang-undang.

Sebagai perbandingan, Kerajaan Singapura mengenakan syarat baru mulai 1 Jun 2013, iaitu mana-mana laman web yang mempunyai lebih 50 ribu pelawat dari Singapura setiap bulan dan menghasilkan sekurang-kurangnya satu artikel tempatan seminggu, mestilah memperoleh lesen tahunan daripada Lembaga Pembangunan Media (MDA) negara itu. Laman web yang dilesenkan itu perlu menyediakan S\$50 ribu (RM150 ribu) sebagai jaminan bon. Langkah ini diambil bagi mengawal berita dan laman web yang boleh menghasut rakyat Singapura dan menjejaskan keharmonian negara.

Akta dan perundangan adalah elemen wajib perlu diadakan dalam sesebuah negara bagi tujuan memantau dan mengawal internet ini. Di Malaysia akta seperti Kanun Keseksaan, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 memainkan peranan penting dalam memantau internet. Sama juga dengan negara lain, di Amerika Syarikat seperti *Patriot Act 2001*, di China seperti

Telecommunications Regulations 2002, dan Singapura seperti *Media Development Authority Singapore Act 2002* turut digubal bagi tujuan yang sama. (Adnan Muham

Peraturan dan perundangan sedia ada di Malaysia masih belum mencukupi dan perlu dimantapkan sekiranya gejala menghina kedaulatan institusi Raja ini mahu dihapuskan. Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 perlu disemak semula bagi menambah peruntukan yang boleh melindungi kedudukan Raja. Selain itu, pihak pendakwaan harus berusaha lebih keras bagi memastikan semua kes yang dibawa ke muka keadilan didakwa hingga menang, bagi menegakkan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan yang melarang dipersoalkan apa-apa perkara, hak, taraf, kedudukan, keistimewaan, kedaulatan atau prerogatif yang diperuntukkan kepada Bahasa Melayu, bangsa Melayu dan Bumiputera serta kedaulatan Raja-raja.

KESIMPULAN

Di Malaysia, aspek sosiobudaya, politik dan ekonomi memainkan peranan utama mendasari pembangunan sistem media dan penyiaran sesebuah negara. (Asiah 2002). Pembangunan tersebut harus mengambil kira sifat majmuk masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama, serta taburan penduduk bandar dan luar bandar, serta ledakan teknologi komunikasi. Kemajuan ekonomi negara yang semakin pesat turut mempengaruhi kehendak dan cita rasa penduduk Malaysia. Dari segi politik, sejarah Malaysia yang pernah dijajah oleh negara luar seperti British dan Jepun juga meninggalkan kesan ke atas pembentukan dan pembangunan sistem penyiaran dan media Malaysia (Asiah 1996).

Penghinaan terhadap Raja-raja juga membawa maksud si penulis sudah melanggar Perlembagaan Persekutuan dan prinsip Rukunegara. Kebebasan adalah aspek utama dalam negara sistem demokrasi seperti Malaysia. Oleh itu, apa jua bentuk kawalan terhadap maklumat dan informasi akan menimbulkan rasa tidak senang kepada masyarakat. Kemunculan internet sebagai medium komunikasi telah memberikan banyak manfaat kepada pengguna namun pada masa yang sama, media baharu turut membawa pelbagai ancaman kepada pihak pemerintah seperti ancaman hasutan, fitnah, pornografi dan lain-lain, bukan sahaja kepada institusi Raja malah kepada sekalian rakyat negara Malaysia. Justeru, kebebasan dan kawalan perlu seimbang demi keharmonian dan kesejahteraan negara.

BIODATA

Prof Madya Dr. Wan Amizah Wan Mahmud (Ph.D.) bertugas sebagai Ketua Program Komunikasi Media dan pensyarah kanan di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat dengan Sistem Televisyen Malaysia Berhad (TV3), Akademi TV3, Malaysian Institute of Integrative Media (MIIM), Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) dan Tetuan Sri Ram & Co. Bidang kepakaran beliau ialah penapisan filem, dasar dan undang-undang komunikasi dan media, remaja dan transformasi sosial, sari kata dan terjemahan.

Muhammad Adnan Pitchan bertugas sebagai pensyarah sementara di Pusat Penyelidikan Impak Media dan Industri Kreatif, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti

Kebangsaan Malaysia. Penerima Anugerah Tun Abdul Razak pada Konvokesyen UKM ke-38 tahun 2010 dan Tokoh Saudara Kita Negeri Selangor 1438H sempena Majlis Sambutan Ma'al Hijrah peringkat Negeri Selangor 2016. Kini beliau sedang melanjutkan pelajaran di peringkat Doktor Falsafah dalam bidang dasar media baharu.

RUJUKAN

- Abdul Aziz Bari. (2008). *Perlembagaan Malaysia: Teori & Praktis*. Shah Alam: Arah Publications.
- Ahmad Sarji. (2003). *Wawasan 2020 Malaysia: Memahami konsep, implikasi dan cabaran*. Terj. Azwar Abd. Manan & Mohamad Abd Manaf. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Asiah Sarji. (1996). Pengaruh persekitaran politik dan sosiobudaya dalam perkembangan penyiaran radio di Malaya dari tahun 1920 – 1959. Tesis Ph.D. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Asiah Sarji. (2002). Penyiaran dan pembangunan pemaparan nilai-nilai murni dan tidak murni melalui penyiaran: analisis teori. *Seminar penyiaran dan masyarakat*. Universiti Putra Malaysia, Serdang. 5 September.
- http://cpps.org.my/resource_centre/Perlembagaan_Persekutuan.pdf
- http://utusan.adamantsys.com/utusan/Mahkamah/20130411/ma_02/Nizar-dakwa-tidak-tahu-Sultan-Johor-murka
- <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/po/newspolitics.php?id=952887>
- http://www.digitalnewsasia.com/sites/default/files/files_upload/PP%20v%20Rutinin%20Bin%20Suhaimin%20-%20s233.pdf
- <http://www.malaysiakini.com/news/169582>
- <http://www.mscomalaysia.my/news/introducing-msc-malaysia-certified-solutions#bog7>
- <https://twitter.com/mbnizar> [28 Mei 2012]
- Kent, K.E. (1975). Mass communication, information control and development: a general systems theory analysis. Tesis Ph.D. University of Minnesota, Amerika Syarikat.
- Lessig, L. 2006. *Code and Other Laws of Cyberspace*. New York: Basic Books
- Mafis Mohd Samuri. (2012). Penghakisan nilai agama melalui doktrin hak asasi manusia. http://www.muftiwp.gov.my/vl/doc/Doktrin_Hak_Asasi_Manusia.pdf. [26 April 2013].
- Mohamed Sharil Tarmizi. (2013). http://www.skmm.gov.my/skmmgovmy/media/General/pdf/130524_Hina_Sultan_Trengganu.pdf
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff & Muammar Ghaddaffi Hanafiah. (2015). Impak Media Baharu Terhadap Sistem Nilai Masyarakat Melayu di Malaysia. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31(2) : 33-46
- MSC (2011). <http://www.skmm.gov.my>.
- Muhammad Adnan Pitchan (2013). Kawalan Dan Kebebasan Dalam Sistem Internet: Kajian Dari Perspektif Dasar Dan Amalan. Tesis Sarjana Falsafah. Tesis PhD. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi. UKM.
- Muhamad Adnan Pitchan. (2013). Kawalan dan Kebebasan dalam Sistem Internet: Analisis dari Sudut Cabaran Kerajaan dan Pembangunan Negara. Kertas Kerja yang

- dibentangkan pada Simposium Antarabangsa Falsafah Islam pada 21 dan 22 Mei 2013 di Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Ismawati Jaafar dan Mohd Yahya Mohamed Ariffin. (2016). Understanding Users' Motivation To Continue Using Social Networking Sites (Sns). *Jurnal Komunikasi*. Jilid 32 (2) : 590-605.
- Penyata Parlimen*, Dewan Negara 13 Disember 2001.
- Sa'adiah Mat Alip. (2015). Pemilihan Bahasa Dalam Komunikasi Di Laman Sosial. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31(2) : 231-246.
- Trading Economics (2012). <http://www.tradingeconomics.com/malaysia/internet-users-wb-data.html>
- UNESCO. (1948). *Universal declaration of human rights*.
- Wan Amizah Binti Wan Mahmud. (2008). Perkembangan dan pembangunan sistem dan dasar Penapisan filem di Malaysia. Tesis PhD. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Bangi. UKM.
- Zixue Tai. 2012. *The internet in China: cyberspace and civil society*. New York: Taylor & Francis Group.